

ANWAR JELASKAN TUGAS2 PEMUDA

Pastikan nilai Islam diserap

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Pergerakan Pemuda UMNO bukan sahaja bertanggungjawab mempastikan penyerapan nilai-nilai Islam dilaksanakan, tetapi juga mempunyai tugas menyinkirkan nilai-nilai bukan Islam yang berleluasa di negara ini, kata Encik Anwar Ibrahim.

Ketua Pergerakan itu menambah bahawa walaupun Kerajaan sekarang bercakap mengenai penyerapan nilai-nilai Islam sahaja, ini tidak bermakna Kerajaan akan membiarkan nilai-nilai bukan Islam terus berkembang.

"Masalah judi, pelacuran dan sebagainya akan dihapuskan. Ini semua akan dibuat dengan cara-cara tertentu supaya kesannya jelas dan bermanfaat," ujarnya.

Bercakap dalam rancangan Ehwat Semasa di TV Malaysia malam ini, beliau menegaskan, oleh kerana perkara itu sudah lama wujud, tindakan tergesa-gesa secara emosi tidak akan mendatangkan kesannya sebaliknya Kerajaan mempunyai caranya sendiri menghapuskan kesemua itu secara berkesan.

Menyentuh perjuangan Pergerakan Pemuda di bawah pimpi-

nannya, Encik Anwar yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menegaskan, soal Pemuda mesti menjadi 'pendesak' atau 'golongan halia' hanyalah dari segi istilah sahaja.

"Apa yang penting bagi Pemuda ialah mempastikan perjuangannya tercapai. Kita tidak perlu mendesak-desak sekiranya kepimpinan yang ada sekarang juga menuju ke arah yang sama," ujarnya.

Encik Anwar menegaskan, tanggung-

jawab menegakkan Islam bukanlah terletak kepada Pemuda sahaja kerana ini menjadi tanggungjawab bersama semua umat Islam.

Bagaimanapun, beliau membayangkan Pemuda di bawah pimpinannya mempunyai gaya dan bentuk perjuangan yang berlainan.

Mengenai perantikan tiga dari lima Exco Pemuda, beliau menjelaskan, ia dibuat dengan hati terbuka tanpa sebarang perasaan "tidak baik".

Perkara ini ditim-

bulkan kerana terdapat Exco yang dilantik itu bukanlah penyokong kuatnya semasa pemilihan Pemuda baru-baru ini.

"Saya tidak kira sama ada seseorang itu mengundi saya atau tidak untuk dilantik sebagai Exco. Lagi saya, kemenangan itu adalah kemenangan UMNO dan selalunya yang diberi tanggungjawab mestilah memikulnya dengan penuh jujur," tegasnya.

Menjawab satu pertanyaan sama ada beliau akan menarik orang-orang ABIM memasuki UMNO, Encik Anwar berkata, perkara itu tidak timbul kerana UMNO terbuka untuk semua orang.

"Bagaimanapun, Pemuda mempunyai matlamatnya untuk mempastikan golongan bella menyertai UMNO melalui ceramah penerangan dan syarahan yang akan disusun oleh Pergerakan," ujarnya.

Encik Anwar menerangkan bahawa tujuan Kerajaan mewajibkan mata pelajaran Tamadun Islam di universiti-universiti mempunyai matlamat yang besar iaitu bagi membolehkan orang bukan Islam memahami tentang Islam.

"Melalui cara ini unsur-unsur perkauman dapat dikurangkan".